# BAB TIGA

## ANALISA DATA DAN PENYELIDIKAN

Sepertimana yang kita ketahui bahawa perkahwinan adalah satu perjudian hidup. Untung sabut timbul, untung batu tenggelam. Disebabkan ia suruhan agama, hambaNya tidak dapat lari darinya. Sehingga sesetengah orang dikatakan orang berat jodohnya.

Pada hakikatnya lelaki muslim dilarang mengahwini wanita musyrik, walaupun wanita itu amat menarik perhatiannya. Bahkan menurut firman Allah S.W.T, wanita muslim adalah lebih baik daripada wanita musyrik, kecuali jika wanita itu bersedia memeluk Islam dan melaksanakan keislamannya itu.

Kita biasa mendengar bahawa jodoh pertemuan adalah di - tangan Tuhan dan kita tidak boleh menafikannya. Cuma apa yang dimisalkan bahawa jodoh yang dicari sendiri tidak berkesampaian hingga ke akhir hayat.

Begitupun manusia hanya boleh merancang tetapi Tuhan yang menentukan jodoh seseorang. Ibarat ikan di laut, asam di darat di dalam belanga bertemu jua.[1] Ini bermaksud walaupun seseorang

...minah jauh bagaikan langit dan bumi yang langsung tidak ...ali antara satu sama lain, tetapi apabila ada jodoh antara ... berdua. Maka mereka akan bertemu juga. Dan hal ini amat ... jika dikaitkan dengan perkahwinan campur yang berlaku di - ... bangsa Melayu dan bangsa Eropah.

Melalui analisa penulis berkenaan kahwin campur ini, pe- ... amati di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, keba- ... suami-suami yang berkahwin campur adalah terdiri dengan ...isteri yang berbangsa Inggeris iaitu sebanyak 40% seperti ... datang dari England, Australia, Findland, Amerika Syarikat, ... dan lain-lain lagi.

Manakala 20% adalah dari isteri-isteri yang berbangsa Cina ... datang dari Malaysia sendiri. Suami-suami bagi pasangan ini ... adalah terdiri dari bangsa Melayu dan India Muslim.

Di sekitar Wilayah Persekutuan ini tidak ramai dari suami ... memilih isteri-isteri yang datang dari Timur Tengah. Cuma ... kurang 5% sahaja yang berminat untuk berkahwin dengan is- ...isteri mereka yang berasal dari negara Iran, Arab Saudi ... sebagainya.

Begitu juga hanya 5% yang memilih isteri serta suami me - ... di kalangan India yang memeluk Islam. Golongan ini tidaklah

...nya. Begitu juga dengan isteri yang berbangsa Thailand sebanyak ... dan juga 15% lagi adalah suami-suami yang memilih lain - lain bangsa sebagai isteri mereka seperti bangsa Pakistan, Sikh, Iban dan lain-lain lagi.

Melalui kajian penulis juga, di dapati bahawa tidak ramai para isteri di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang memilih bangsa asing sebagai suami mereka, contohnya seperti bangsa Eropah, Thai, India, Cina, Iran, Sikh dan lain-lain bangsa. Walaupun terdapat perkahwinan campur di kalangan mereka tetapi jumlahnya adalah sedikit jika dibandingkan dengan suami - suami yang memilih bangsa asing sebagai suami mereka.

Ini berlaku adalah di sebabkan beberapa faktor : Dahulunya jika hendak dibandingkan dengan sekarang, peluang kaum lelaki untuk melanjutkan pelajaran adalah lebih cerah berbanding dengan wanita. Ini adalah kerana ibubapa tidak rela untuk melepaskan anak-anak perempuan mereka menuntut ilmu di luar negeri. Cuma ibubapa yang berfikiran serta berpandangan luas sahaja yang rela melepaskan anak mereka menuntut pelajaran ke luar negeri. Jadi di sini peluang kaum lelaki untuk berkenalan dengan wanita asing adalah lebih cerah dan ini sudah tentu membawa kepada perkahwinan campur.

... Begitu juga dengan isteri yang berbangsa Thailand sebanyak ... juga 15% lagi adalah suami-suami yang memilih lain - lain ... sebagai isteri mereka seperti bangsa Pakistan, Sikh, Iban ... lain-lain lagi.

Melalui kajian penulis juga, di dapati bahawa tidak ramai ...isteri di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang ... bangsa asing sebagai suami mereka, contohnya seperti Bang-...gan, Thai, India, Cina, Iran, Sikh dan lain-lain bangsa . ... terdapat perkahwinan campur di kalangan mereka tetapi ...nya adalah sedikit jika dibandingkan dengan suami - suami ... memilih bangsa asing sebagai suami mereka.

Ini berlaku adalah di sebabkan beberapa faktor :

...ulunya jika hendak dibandingkan dengan sekarang , peluang kaum lelaki untuk melanjutkan pelajaran adalah lebih cerah berbanding dengan wanita. Ini adalah kerana ibubapa tidak rela untuk melepaskan anak-anak perempuan mereka menuntut ... di luar negeri. Cuma ibubapa yang berfikiran serta berpandangan luas sahaja yang rela melepaskan anak mereka menuntut pelajaran ke luar negeri. Jadi di sini peluang kaum lelaki untuk berkenalan dengan wanita asing adalah lebih cerah dan ini sudah tentu membawa kepada perkahwinan campur .

Anak perempuan mesti patuh kepada kemahuan ibubapa. Dahulu ibubapa lebih menyukai anak mereka tidak bersekolah tinggi kerana anggapan mereka walau setakat mana atau setinggi mana pun seorang perempuan itu menuntut ilmu, kerjanya adalah di-dapur. Oleh kerana pandangan yang sebegini, peluang untuk seseorang wanita itu berkenalan serta berkahwin sampur ada-lah amat tipis.

## Faktor-faktor Yang Membawa Kepada Perkahwinan Campur

Melalui analisa penulis ada beberapa faktor yang membawa kepada perkahwinan campur di kalangan berbagai bangsa ini, lebih-lebih lagi bagi pasangan yang menetap di sekitar Kuala Lumpur. Faktor-faktor tersebit ialah :

### Jodoh

Pada hakikatnya, kita akui jodoh pertemuan adalah ditangan Tuhan, tetapi kadang-kadang usaha sendiripun penting juga. Kalau hanya berdoa dan hanya berserah saja, mungkin sampai tuapun seorang itu tidak akan berkahwin.

Lebih 30% dari responden yang penulis temui mengatakan jodoh adalah perkataan yang tepat mengapa mereka berkahwin campur. Contohnya responden A yang penulis temui adalah seorang India Islam manakala suaminya adalah seorang Cina Muslim. Dia tidak menyangka samasekali bahawa dia akan berkahwin campur dengan seorang yang berbangsa Cina. Namun itulah yang dikatakan jodoh, tidak ada seorang pun mengetahui apa yang telah dirancangkan oleh Allah kepada makhluknya. Responden A adalah seorang tenaga pengajar di PERKIM Kuala Lumpur manakala suaminya adalah seorang ustaz di tempat yang sama. Mereka hidup aman bahagia serta mempunyai

empat orang anak.[2]

### Suka sama suka (cinta)

Faktor ke dua yang membawa kepada perkahwinan campur ini ialah suka sama suka ataupun cinta. Melalui kajian penulis daripada temubual dan soal-selidik lebih kurang 30% daripada responden mengatakan perkahwinan mereka adalah berdasarkan suka sama suka atau cinta dan ini adalah pilihan mereka sendiri tanpa dipengaruhi oleh sesiapa pun.[3]

Walaupun berlainan bangsa tetapi apabila cinta telah tersemai di dalam jiwa masing-masing maka mereka telah sepakat untuk mendirikan rumahtangga setelah menemui lelaki atau wanita idaman nya. Bagi mereka adalah lebih baik menghabiskan sisa-sisa hidup bersama-sama orang yang dikasihi dan dicintai.[4]

### Melalui sahabat pena

Pertemuan pasangan timur - barat ini sebenarnya berputik melalui surat di udara sekedar memenuhi perutusan seorang sahabat pena. Selama tiga tahun mereka saling berutusan melalui surat sehinggalah silelaki yang berbangsa Eropah mengambil keputusan untuk melawat Malaysia dan mengenali budaya melayu khususnya

masyarakat Islam.

Sekarang ini pasangan yang dipertemukan oleh Tuhan melalui sahabat pena ini hidup bahagia. Namun demikian tidak ramai pasangan pasangan yang dipertemukan melalui sahabat pena ini. Kajian penulis menunjukkan lebih-kurang 10% sahaja yang berkesempatan untuk berkahwin campur melalui sahabat pena ini.

[illegible]. Gagal bercinta

Lebih-kurang 5% responden yang penulis temui mengatakan bahawa kegagalan dalam bercinta serta putus tunang menyebabkan mereka merasa tawar hati untuk memilih pemuda melayu sebagai suami mereka.

Responden B yang ditemui oleh penulis mengatakan dia lebih rela berkahwin dengan lelaki bangsa lain yang lebih memahami dan bertimbangrasa.[5]

Faktor inilah sedikit sebanyak mempengaruhi diri-diri wanita lain untuk memilih bangsa asing sebagai teman hidup mereka kerana berpendapat bahawa bangsa asing lebih memahami hati seorang wanita dan tidak terlalu mengongkong kebebasan mereka . Di samping berpeluang bertukar-tukar pandangan mengenai adat re-

masing-masing. Lelaki berbangsa asing ini juga mempunyai sifat penyayang dan pengasih.[6]

Melalui orang tengah

Tidak dapat dinafikan juga bahawa terjadinya perkahwinan campur adalah akibat daripada pengaruh orang tengah. Lebih-kurang sahaja mereka yang berpeluang berkahwin campur kerana pengaruh orang tengah ini. Orang tengah berperanan untuk mencari seseorang untuk dijodohkan dengan sesiapa yang dirasakan sesuai dengan orang itu yang kemungkinan terdiri dari sahabat atau kenalannya.

Responden C adalah seorang Eropah yang memeluk agama Islam ketika berada di England lagi. Semasa itu isterinya masih menuntut di salah sebuah Universiti di England. Setelah memeluk Islam responden C bergaul rapat dengan bangsa-bangsa lain seperti Arab, [illegible], Pakistan dan lain-lain. Melalui kawannya itu yang bertindak sebagai orang tengah, beliau telah dapat berkahwin dengan isterinya sekarang berbangsa melayu yang ketika itu masih lagi menuntut.[7]

. Agama Islam

Agama Islam itu sendiri adalah agama yang mudah cukup sempurna, merangkumi semua aspek kehidupan di dunia dan di Akhirat. Sebab itu lebih kurang 3% daripada responden ataupun informan menyatakan mereka berkahwin adalah kerana terlebih dahulu tertarik dengan ajaran agama Islam yang dibawa oleh nabi kita Muhammad s.a.w. Kemudian barulah mereka mendirikan rumahtangga setelah menjumpai lelaki ataupun wanita pilihan hati mereka .

. Berminat kepada bangsa asing

Faktor ketujuh yang membawa kepada perkahwinan campur ini ialah berminat kepada bangsa asing untuk dijadikan isteri dan suami. Lebih kurang 3% daripada responden berpendapat sedemikian. Bagi mereka berkahwin dengan wanita asing ataupun lelaki asing akan dapat melahirkan kepada mereka anak - anak berbangsa asing akan dapat melahirkan kepada mereka anak - anak yang pintar otaknya serta mempunyai wajah-wajah yang menarik hati apabila dipandang.

. Rupa paras yang cantik

Faktor kelapan yang membawa kepada perkahwinan campur ini ialah akibat tertarik dengan rupa paras isteri mereka. Lebih -

kurang 3% dari suami-suami yang berkahwin campur mengakui bahawa rupa paras juga memainkan peranan sehingga menyebabkan mereka berkahwin campur. Lebih-lebih lagi lelaki Eropah amat berminat untuk berkahwin dengan orang-orang Asia amnya dan orang - orang Melayu khususnya kerana memandangkan wanita melayu mempunyai rupa paras yang cantik serta memiliki kulit muka yang halus dan tidak menggerutu.

i. Lemah-lembut, bersopan-santun serta peramah

Faktor kesembilan yang membawa kepada wujudnya perkahwinan campur ini adalah memandangkan yang wanita melayu mempunyai sifat-sifat yang mulia seperti bersopan-santun, lemah-lembut, peramah dan berbudi pekerti tinggi. Kelakuan yang sebegini amat menarik hati orang asing untuk berkahwin dengan wanita Malaysia amnya dan memandangkan yang wanita Eropah tidak memiliki sifat yang demikian maka peluang untuk mereka berkahwin campur adalah terbentang luas.

Lebih-kurang 3% daripada responden yang penulis temui menyatakan bahawa mereka amat berkenan sekali dengan wanita melayu kerana pada pendapat mereka jarang untuk berjumpa dengan wanita yang selembut serta sesopan wanita melayu. Jika hendak dibandingkan wanita melayu dengan wanita Eropah bagaikan langit dan bumi

perbezaannya.

Demikianlah beberapa faktor yang di dapati oleh penulis ...nan perkahwinan campur ini. Sekarang kita lihat pula bebe... ...lah yang kemungkinan di hadapi oleh pasangan kahwin cam... .

## ...lah - masalah Dalam Perkahwinan Campur

Setiap perkara ada baik dan buruknya. Begitu juga dalam ...kahwin campur tidak terkecuali dalam menghadapi masalah . ...-lebih lagi perkahwinan campur ini melibatkan dua bangsa ...berlainan corak kehidupannya.

Biasanya apabila kita bercakap mengenai kahwin campur ini, ...hanya melihat kebaikannya saja iaitu dapat membawa saudara ...kepada Islam, anak cantik dan pandai. Manakala kesannya ter... ...oleh keghairahan cara hidup. Sudah waktunya kita berfikir ...lebih jauh, apakah cukup sekadar menambah bilangan umat ..., apakah memadai dengan hanya mempunyai anak-anak cantik ...pandai.?

Menarik seseorang memeluk Islam memang besar pahalanya ...sisi Allah. Tetapi usaha ini tidak seharusnya tinggal separuh

...an. Pak kata orang tua-tua, jangan buat pahala berbalaskan do-

... Tetapi malangnya inilah yang banyak terjadi sekarang. Selalu-

... perimatan membawa masuk saudara baru ini sekadar mengucap

kalimah syahadat sahaja.

Banyak berlaku, setelah berjaya mengislamkan orang berke-

..., mereka ditinggalkan tanpa sebarang bimbingan. Kejadian ini

... terkecuali di dalam perkahwinan campur. Sesudah suami atau

... sanggup meninggalkan agamanya untuk membina hidup baru ,

... ditinggalkan atau di biarkan tanpa haluan dan bimbingan.

Kejadian ini tidak terkecuali di dalam perkahwinan campur.

... suami atau isteri sanggup meninggalkan agama asalnya untuk

...kahwin serta membina hidup baru, mereka di biarkan begitu sa -

...ja.

Maka di sini timbullah beberapa masalah akibat daripada

perkahwinan campur ini. Masalah-masalahnya pula terbahagi kepada

masalah utama dan masalah sampingan. Masalah-masalah utama yang

sering di hadapi oleh pasangan kahwin campur ialah :

1. Pegangan agama

Masalah yang paling utama dan sering di hadapi oleh pasa-

ngan kahwin campur ialah tidak kuat pegangan agama. Menurut ka -

penulis isteri-isteri yang berbangsa asing ini terbahagi kepada dua golongan setelah mereka memeluk Islam dan berkahwin dengan orang Islam.

Golongan pertama iaitu yang kuat pegangan agamanya sebanyak lebih kurang 30%. Mereka ini mengamalkan ajaran Islam yang sebenarnya. Ini adalah kerana suami-suami mereka mengamalkan Islam dan isteri-isteri mereka pula berkecenderongan untuk mempelajari Islam.

Walaupun secara tidak langsung mereka mempelajarinya melalui suami masing-masing tetapi ini tidaklah mencukupi. Jadi isteri-isteri ini menghadiri ceramah-ceramah agama, mempelajari mu-, cara-cara bersembahyang seperti di PERKIM, ABIM dan sebagainya. PERKIM serta ABIM ada menyediakan tempat tinggal untuk -isteri , suami-suami serta sesiapa jua yang ingin mempe - Islam secara mendalam .[10]

Golongan ini pemulis dapati menutup aurat sebagaimana yang dituntut oleh Islam serta mengamalkan ajaran Islam di dalam kehidupan seharian mereka. Golongan ini juga penulis dapati tidak menghadapi sebarang masalah di dalam pegangan agama mereka iaitu kerana jika mereka mempunyai sebarang masalah mereka tidak ragu-ragu untuk mengutarakannya semasa mereka menghadiri ceramah dan sebagainya.[11]

Golongan kedua iaitu golongan yang tidak mengamalkan Is - lam di dalam kehidupan seharian mereka. Contohnya jika siibu ber- agama asing , sisuami tidak berusaha mengajar atau membimbing isteri berkenaan agama barunya iaitu Islam. Manakala isterinya pula tidak berusaha sendiri untuk mempelajari agama itu. Akhir - nya mereka mengenepikan soal agama itu dan menjalani hidup ber- [illegible]kan yang praktikal.

Maka di sini akan timbul isteri yang tidak tahu akan ha - [illegible], sembahyang, puasa, mandi wajib, berjunub dan sebagai- nya. Pemakaian masih lagi ala barat iaitu tidak menutup aurat , mengamalkan cara hidup barat iaitu masih merayakan krismas, me - minum minuman keras dan sebagainya. Semua ini berlaku kerana ra- puhnya pegangan agama isteri-isteri yang berkahwin campur terma- suk juga suami-suami mereka. Ini adalah kerana suami-suami mereka lebih suka mengamalkan kebudayaan barat yang bagi mereka lebih [illegible] dan bertaraf itu.[12]

Campurtangan emak mertua atau keluarga

Masalah kedua terbesar yang sering di hadapi oleh pasangan perkahwinan campur ialah campurtangan keluarga atau mak mertua. Ka - jian penulis menunjukkan 30% daripada responden atau informan me- nyatakan mereka tidak dapat hidup sempurna kerana gara-gara ibu

atau keluarga sebelah suami yang berbangsa Melayu yang campurtangan di dalam urusan rumahtangga mereka.

Ini menyebabkan gangguan yang datang dari sebelah pihak suami, tidak dapat hidup tenteram, aman dan damai. Ini berlaku ibu mertua tidak menyukai menantu yang berbangsa asing, mereka telah memeluk Islam. Gangguan ini kadangkala menjadi teruk sehingga menyebabkan berlakunya perceraian di pasangan kahwin campur ini.

Manakala 60% daripada responden mengatakan mereka tidak menghadapi sebarang masalah dengan emak mertua atau keluarga sebelah suami yang berbangsa Melayu. Kajian menunjukkan bahawa walaupun mereka ini berbangsa asing tetapi mereka disayangi oleh mertua serta keluarga seperti anak sendiri.

Ini adalah kerana mereka pandai mengambil hati ibu mertua, bertolak ansur dan mempunyai beberapa sifat yang terpuji. Oleh sebab itu mereka disayangi oleh ibubapa dan keluarga sebelah suami.

Menurut kajian penulis lagi yang anihnya keseluruhan pasangan ini tidak langsung mendapat tentangan dari ibubapa mereka yang berbangsa asing. Ini bermaksud yang ibubapa mereka atau ibu

mertua suami mereka langsung tidak menghalang anak-anak mereka mengahwini bangsa asing.

Malah mereka menggalakkan anak-anak mereka berkahwin dengan bangsa asing. Tidak mencampuri urusan rumahtangga anak-anak, malah menyayangi menantu seperti anak sendiri. Walaupun ibubapa ini masih beragama kristian tetapi mereka memberikan kebebasan kepada anak-anak mereka untuk memilih mana-mana agama yang di - sukai. Malah di dalam beberapa hal mereka masih lagi menasihat - kan anak-anak apabila di dapati yang anak-anak mereka itu perlu kepada nasihat.

3. Berbeza dari segi mendidik anak-anak

Masalah yang ketiga terbesar yang sering di hadapi oleh pasangan kahwin campur ialah cara mendidik anak-anak yang berbeza di kalangan orang melayu dan bangsa asing. Seperti yang kita ketahui terdapat dua golongan bagi pasangan kahwin campur ini iaitu yang kuat pegangan agamanya dan yang longgar pegangan agamanya.

Berdasarkan kajian penulis , golongan yang kuat pegangan agamanya tidak menghadapi masalah yang besar di dalam mendidik anak-anak mereka. Ini adalah kerana mereka mendidik anak - anak

mereka dengan menitikberatkan ajaran Islam sebagaimana yang telah dianjurkan oleh agama Islam sendiri.

Mereka menyuruh anak-anak menutup aurat sebagaimana yang diwajibkan oleh Allah, membawa anak-anak mengikuti ceramah - ceramah, belajar cara-cara bersembahyang dan memberikan pelajaran agama yang sekadar mampu oleh mereka. Dengan cara ini sudah tentunya sedikit sebanyak anak-anak akan mempunyai asas-asas agama yang baik.

Cuma yang menjadi masalah ialah pasangan yang tidak menitikberatkan ajaran Islam. Ini sudah tentu menjadi masalah kepada mereka dan lebih-lebih lagi kepada anak-anak yang akan mewarisi kehidupan ibubapa mereka nanti. Ini sudah tentu menjadi satu masalah sosialisasi kepada anak-anak mereka.

Menurut kajian penulis, ibubapa yang tidak kuat pegangan agama ini membiarkan anak-anak memilih cara atau corak kehidupan yang mereka sukai. Ini bermaksud ibu-ibu yang berbangsa Inggeris itu memberi kebebasan kepada anak-anak untuk memilih corak kehidupan mereka di masa depan. Sudahlah ibu serta bapanya kebaratan, anak pun diajar sedemikian.

Di sini akan lahirlah anak-anak yang tidak mengaku melayu

Islam) tidak tahu sembahyang, puasa dan mengamalkan kehidupan Islam seratus peratus. Malah perkara ini diakui sendiri oleh anak-anak kahwin campur atau anak-anak kacukan ini.[11]

Ini berlaku adalah kerana tiada sebarang teguran dan bimbingan dari ibubapa yang juga lebih memilih cara kehidupan moden yang lebih kebaratan tanpa langsung menitikberatkan ajaran Islam yang sebenarnya semenjak kecil. Masalahnya di sini adakah anak-anak mereka tetap sebagai muslim sebagaimana sewajarnya atau hanya Islam keturunan sahaja.

Bagi ibu-ibu yang berbangsa asing ini akan menghadapi masalah jika mereka mendidik anak mereka dengan cara Islam dan adat-adat melayu. Ini akan merenggangkan perhubungan anak-anak ini dengan bangsa sebelah ibu. Mereka tidak mahu terjadinya sedemikian kerana mereka mahukan anak-anak lebih berfikiran moden walaupun terpaksa mengorbankan agama Islam sendiri.

4. Rasa syak wasangka masyarakat

Berdasarkan kajian penulis, masalah keempat terbesar yang dihadapi oleh pasangan kahwin campur ialah rasa syak wasangka masyarakat terhadap mereka yang telah memeluk Islam.

Masyarakat sekeliling masih menganggap yang mereka adalah orang asing, walaupun telah bertahun-tahun mereka memeluk Islam. Masalah timbul kerana mereka tidak diterima oleh masyarakat sekeliling, jadi peluang untuk mereka bercampur gaul dengan masyarakat adalah tipis. Sesetengah daripada mereka ini masih lagi dicemuh dengan kata-kata kesat seperti masih lagi memakan babi, kafir dan sebagainya.

Ada antara mereka yang dipulau oleh masyarakat dan jiran-jiran, anak-anak mereka dilarang bermain dengan anak-anak pasangan kahwin campur ini kerana tidak sesuai, tidak bersih dan sebagainya.[14]

## Masalah-masalah Sampingan Di dalam Perkahwinan Campur

Selain daripada faktor-faktor terbesar di dalam perkahwinan campuran ini terdapat juga faktor-faktor sampingan yang memungkinkan timbulnya masalah di dalam perkahwinan campur ini. Faktor-faktornya adalah seperti berikut :

### Adat - istiadat

Berdasarkan kajian penulis, hanya sebahagian kecil sahaja yang menghadapi masalah di dalam adat-istiadat melayu. Ini adalah kerana mereka tidak dapat mengamalkan adat-istiadat melayu sepenuhnya di dalam kehidupan mereka.

Antara adat-istiadat melayu yang paling susah untuk dilakukan ialah mencuci tangan di dalam mangkuk yang bermulut besar sebab tidak mencukupi bagi mereka. Mereka juga tidak biasa duduk bersimpuh berjam-jam lamanya di dalam sesuatu majlis kenduri kendara dan majlis jemputan biasa. Perkara begini menjadi masalah kepada mereka yang tidak biasa dan belum pernah melakukan demikian kerana semua adat ini adalah amat berlainan sekali dengan adat orang barat.

Perkara begini tidak akan menjadi masalah jika sese -

sungguh adat itu dapat di tiru atau dilakukan oleh isteri - isteri berbangsa asing ini ataupun suami masing-masing dapat menerima amalan mereka dengan tidak memberatkan supaya isteri itu mengi - kuti adat-istiadat melayu. Juga suami menerima dengan keadaan yang ada pada isterinya itu. Jika isteri mengamalkan tradisi barat maka biarlah isterinya dengan keadaannya asalkan tidak me - lampaui batas dan dapat di terima serta sesuai dengan kehidupan orang melayu.

Pakaian

Walaupun pada asalnya pakaian adalah satu perkara yang simpel dan mudah, tetapi apabila seseorang bangsa asing memeluk Islam maka isu mengenai pakaian adalah menjadi satu masalah pada mereka. Ini adalah kerana agama Islam tidak membenarkan wanita - wanitanya memakai pakaian yang boleh menampakkan auratnya.

Ini sudah tentu mendatangkan masalah kepada isteri-isteri yang baru memeluk Islam yang sudah biasa dengan pakaian barat seperti skirt, gaun dan sebagainya. Lebih-kurang 50% mengatakan pakaian Islam yang menutup aurat ini tidak sesuai dengan mereka kerana dengan memakainya mereka tidak bebas bergerak.

Bagi isteri-isteri yang mengamalkan ajaran Islam pula tidak akan menghadapi masalah kerana mereka telah tahu bahawa menutup aurat itu adalah satu perkara yang wajib dan mesti dilakukan. Pendirian mereka berpendapat orang melayu sendiri lebih-lebih lagi yang wanitanya berpakaian begitu sopan seperti baju kurung dan sebagainya .

### Makanan

Islam amat menitikberatkan mengenai halal dan haram dalam hal-hal yang bersangkutan dengan makanan dan minuman . Oleh sebab itu Islam melarang penganut-penganutnya memakan daging babi, anjing, meminum arak dan lain-lain lagi.

Faktor ketiga yang turut menjadi masalah sampingan kepada suami-isteri pasangan kahwin campur ini ialah dari segi makanan. Daripada analisa yang dibuat di dapati 5% daripada pasangan kahwin campur ini termasuk lelaki dan wanita menunjukkan bahawa mereka tidak sesuai dengan makanan yang pedas. Untuk menyesuaikan diri dengan makanan orang melayu perlulah mengambil masa yang agak lama.

Ini adalah kerana mereka terpaksa meninggalkan makanan yang sebelum ini telah menjadi makanan harian mereka sebegitu

lama. Contohnya jika sebelum ini mereka telah biasa dengan daging babi atau daging lembu yang tidak disembelih dengan sempurna serta biasa meminum bir dan juga biasa dengan makanan - makanan mentah, tetapi setelah memeluk Islam , makanan-makanan yang sebegini wajib ditinggalkan serta merta.

Ini sudah tentu mengambil masa yang agak lama bagi mereka. Selain dari masalah tersebut, masalah tidak pandai memasak makanan melayu juga di hadapi oleh isteri-isteri yang berbangsa asing ini, kerana kadang-kadang suami mereka mahukan isteri mereka me - masak nasi lemak dan lauk-pauk yang tidak di ketahui cara masa - knnya oleh isteri-isteri mereka.

Lagi satu masalah yang di hadapi oleh pasangan ini ialah apabila isteri-isteri terpaksa menyukai apa sahaja yang di sukai oleh suami mereka seperti ulam petai, jering dan lain-lain. Se - dangkan ulam-ulam yang sebegini amat susah di terima oleh golongan barat. Ini adalah kerana mereka sudah di biasakan dengan makanan seperti spaghetti, pizza, burger dan sebagainya.

4. Bahasa Pertuturan

Bahasa Malaysia sudah menjadi bahasa pengantar yang per - tama di Malaysia ketika ini. Namun demikian jika disebut sahaja bahasa tersebut maka kita akan terfikir bahawa ianya digunakan dengan meluas di negara kita amnya dan di Wilayah Persekutuan khususnya.

Perlulah disedari bahawa Bahasa Malaysia merupakan masalah yang agak penting di kalangan pasangan kahwin campur. Lebih daripada 60% pasangan ini tidak menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pertuturan di rumah. Ini adalah kerana kebanyakan pasa - ngan kahwin campur terdiri dari mereka yang berpendidikan luar negeri dan mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat.

Mereka lebih gemar bertutur bahasa Inggeris dan analisa penulis mendapati bahawa anak-anak pasangan kahwin campur ini lebih fasih bertutur Bahasa Malaysia dari ibu mereka sendiri . Ini berlaku kerana anak-anak mereka lebih banyak bercampur gaul dengan anak-anak melayu yang lain di sekolah ataupun mereka mempelajarinya melalui pembantu rumah masing-masing .

Sedangkan ibu-ibu mereka pula berpendapat bahawa Bahasa Malaysia ini susah untuk dipelajari kerana sebutannya yang ber-

[illegible]nan. Lagipun mereka sudah biasa bertutur di dalam bahasa Inggeris dan kata mereka lagi bahasa Inggeris juga adalah menjadi bahasa pertuturan penduduk Malaysia di ketika ini. Sedangkan mereka masih tidak menyedari akan kepentingan Bahasa Malaysia hinggakan untuk bertutur dengan ibu mertuapun mereka masih lagi menggunakan bahasa isyarat, walaupun sudah bertahun-tahun mengahwini lelaki melayu.

Berbanding dengan lelaki Inggeris yang mengahwini wanita melayu. Rata-rata mereka cukup fasih berbahasa melayu dan mereka amat berbangga kerana dapat menguasai Bahasa Malaysia. Semua ini mendatangkan kebaikan kepada mereka kerana lebih mudah untuk mereka berkomunikasi dengan keluarga dipihak isteri. Dengan cara ini hubungan di antara mereka akan menjadi lebih mesra.

5. Suami - isteri

Masalah kelima yang juga di titikberatkan ialah mengenai hubungan suami-isteri itu sendiri. Seperti yang kita tahu bahawa tidak semua perkahwinan itu dapat bertahan hingga keakhir hayat. Kadangkala berlaku juga taufan yang melanda rumahtangga. Silap perkiraan maka taufan ini akan membawa kepada perceraian dan perkara ini tidak terkecuali kepada pasangan kahwin campur.

Begitu juga masalah akan timbul apabila salah seorang meninggal dunia, contohnya kalau suami yang berbangsa melayu itu meninggal dunia. Apa akan terjadi kepada isteri serta anak-anak yang tinggal, adakah mereka akan terus menetap di Malaysia ataupun pulang kenegeri asal mereka.

Berdasarkan kajian penulis 97% daripada pasangan ini lebih berat kepada menetap di Malaysia jika suami mereka masih hidup dan akan bersama suami mereka hingga keakhir hayat. Sebanyak 5% pula berpendapat jika suami mereka meninggal dunia, mereka akan pulang ketempat asal mereka.

Begitu juga apabila berlakunya perceraian, mereka akan membawa anak-anak pulang bersama-sama mereka. Mereka mengatakan anak-anak perlu dibawa bersama-sama supaya anak-anak lebih mudah untuk melanjutkan pelajaran. Pada mereka negara Malaysia bukanlah tempat yang sesuai untuk mendapatkan pelajaran yang tinggi. Luar negeri adalah lebih baik berbanding dengan Malaysia.

Namun demikian semua perkara ini tidak akan menjadi masalah bagi isteri-isteri yang kuat pegangan agamanya dan suami - suami yang kematian isteri mereka yang berbangsa asing. Bagi isteri yang kuat agamanya, mereka berpendapat lebih baik terus menetap di Malaysia walaupun kematian suami kerana di sini lebih

mudah untuk mereka mempelajari Islam berbanding dengan tempat sendiri. Begitu juga dengan anak-anak lebih sesuai dengan kehidupan Islam berbanding dengan kehidupan barat yang serba moden.

Manakala suami-suami melayu yang kematian isteri mereka tidak menghadapi sebarang masalah kerana sudah tentu mereka akan menetap di Malaysia kerana negara ini adalah tempat tumpah darah mereka. Kemungkinan sekali-sekala mereka akan berkunjung ketempat isteri mereka dengan membawa bersama anak-anak.

Inilah beberapa faktor utama dan faktor sampingan yang menjadi masalah di kalangan pasangan kahwin campur. Namun bagi mereka yang bijak dan cepat menyesuaikan diri tidak akan merasa bahawa semua ini adalah satu masalah yang berat kerana mereka tahu bahawa tidak ada perkahwinan yang tidak ditimpa masalah.

# NOTAKAKI

1 Sidang Pengarang, Nona, Januari 1988. m.s 21.

2 Temubual Puan Marhaban , Selasa 5/9/89, jam 2.30 petang di Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh Kuala Lumpur.

3 Temubual Puan Deborah Jali (Presiden Persatuan Isteri - Isteri Kahwin Campur), Rabu 13/9/89 , jam 11.00 - 12.30 tengahari di Taman Melawati, Kuala Lumpur.

4 Temubual Puan Animah Ferar Abdullah, Ahad 8/10/89, jam 11.00 - 12.30 tengahari di ABIM Out - reach, Ampang Kuala Lumpur.

5 Temubual Puan Elli Hashmeti Nameh, Rabu 25/10/89, jam 11.00 pagi , di Damansara Height Kuala Lumpur.

6 Berita Minggu, Ahad 31 Julai 1988 (17 Zulhijjah 1408 H), m.s 12.

7 Temubual Encik Ahmad Adam Rotten Abdullah, Ahad 6/8/89, jam 12.00 tengahari di ABIM Out - reach, Ampang Kuala Lumpur .

8 Aziah Meon, <u>Anak Kacukan... Di mana Silapnya</u> ? Jelita , November 1987. m.s 70 - 71 .

9 Ibid.

10 Nona, November 1989. m.s 16 - 17.

11. Observasi penulis selama 5 minggu berturut-turut di ABIM Out - reach, Ampang Kuala Lumpur.

12. Observasi penulis semasa menghadiri Seminar Perkahwinan Campur, bertempat di International School Kuala Lumpur pada malam Ahad 23/9/89, jam 7.00 - 10.00 malam di Ampang Jaya Kuala Lumpur.

[illegible] Temubual Saudara Edika Yusuf (anak kacukan), Ahad 20/8/89, jam 2.30 - 5.00 petang, bertempat di Lobi Hotel Park Royal, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

[illegible] Temubual Puan Ros Ariza Bte Abdullah , Ahad 16/7/89, jam 11.00 pagi bertempat di ABIM Outreach, Ampang Kuala Lumpur.